

Ciri Lanjutan Automatik

Apakah ciri “Lanjutan Automatik” ?

Tahukah anda bahawa di Great Eastern Takaful (juga dikenali sebagai GETB), kami mempunyai ciri unik yang dikenali sebagai “**Lanjutan Automatik**” yang boleh didapati di dalam *pelan-pelan terpilih kami? Lanjutan Automatik adalah ciri yang mana perlindungan Takaful anda akan dilanjutkan secara automatik untuk tempoh selanjutnya selepas mencapai Kematangan Sijil yang telah dipilih **tanpa memerlukan bukti perlindungan**.

Bagaimana ia berfungsi ?

Mari kita ambil contoh Khairul, seorang lelaki berumur 30 tahun yang menyertai i-Great Wawasan.

Pada Awal Perlindungan



- Pada awalnya, semasa permohonan perlindungan Takaful, beliau memilih Kematangan pada umur 80 tahun.
- Khairul membayar RM200 sebulan.
- Beliau terus menikmati manfaatnya di bawah pelan Takafulnya sehingga beliau berumur 80 tahun.



Selepas 50 tahun

Apabila Matang (pada umur 80 tahun)

- 3 bulan sebelum kematangan sijil (pada umur 80 tahun) – beliau menerima Surat Kematangan dan Lanjutan Automatik yang menyatakan perlindungannya akan dilanjutkan secara automatik sehingga umur 100 tahun. Tiada bukti perlindungan diperlukan.
- Beliau **boleh memilih** untuk meneruskan perlindungannya sehingga umur 100 tahun, atau menarik diri daripada Ciri Lanjutan Automatik. Oleh kerana beliau tahu kepentingan memiliki perlindungan Takaful, beliau membuat keputusan untuk meneruskan perlindungannya sehingga umur 100 tahun.
- Berdasarkan penilaian kelangsungan, beliau perlu membayar jumlah caruman baharu sebanyak RM500 sebulan untuk meneruskan perlindungannya. Jumlah caruman baharu adalah dikira untuk memastikan kelangsungan pelan sehingga matang.
- Perlindungan beliau akan berakhir pada umur 100 tahun.

Terma dan Syarat:

- 1) Sijil dan manfaat tambahan yang dilampirkan (jika ada) akan dilanjutkan pada tahap perlindungan yang sama seperti sebelum Lanjutan Automatik. Terma dan syarat yang sama yang telah dikenakan ke atas Sijil ini akan digunapakai untuk perlindungan selanjutnya.
- 2) sebarang manfaat tambahan yang dilampirkan tidak akan dilanjutkan jika:
 - manfaat tambahan telah tamat tempoh atau ditamatkan sebelum atau semasa Lanjutan Automatik;
 - manfaat tambahan telah mencapai tempoh perlindungan maksimum; atau
 - manfaat tambahan telah membayar manfaat maksimum.
- 3) Kami akan terus menolak Caj Perkhidmatan dan Tabarru' daripada Nilai Akaun semasa Lanjutan Automatik Sijil.
- 4) Sebarang tempoh menunggu untuk manfaat adalah tidak terpakai semasa Lanjutan Automatik.
- 5) Caruman yang perlu dibayar untuk Perlindungan Lanjutan Automatik mungkin berbeza, dan adalah berdasarkan umur yang dicapai oleh Orang yang Dilindungi pada hari lahir berikutnya selepas Lanjutan Automatik Sijil ini dan sebarang keputusan pengunderaitan yang telah dikenakan ke atas Sijil ini sebelum Lanjutan Automatik.
- 6) Anda boleh menamatkan ciri Lanjutan Automatik dengan memaklumkan kepada kami sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum setiap Tarikh Matang Sijil ini.

Soalan-Soalan Lazim (FAQ)



Apakah ciri-ciri Lanjutan Automatik?

Lanjutan Automatik adalah ciri yang mana perlindungan Takaful anda akan dilanjutkan secara automatik untuk tempoh selanjutnya selepas mencapai Kematangan Sijil yang telah dipilih.

Adakah ciri ini boleh digunakan untuk semua pelan yang ditawarkan oleh GETB?

Tidak, ciri ini hanya terpakai untuk produk terpilih kami. Sila rujuk kepada Sijil Takaful anda untuk maklumat lanjut.

Adakah semua rider yang dilampirkan juga dilanjutkan?

Ya. Semua rider yang dilampirkan (atau manfaat tambahan) akan dilanjutkan pada tahap perlindungan yang sama seperti sebelum Lanjutan Automatik, kecuali yang berikut:

1. manfaat tambahan telah tamat tempoh atau ditamatkan sebelum atau semasa Lanjutan Automatik;
2. manfaat tambahan telah mencapai tempoh perlindungan maksimum; atau
3. manfaat tambahan telah membayar manfaat secara maksimum.

Sila rujuk terma dan syarat penuh dalam Sijil Takaful anda.

Bolehkah saya memilih untuk menarik diri daripada Ciri Lanjutan Automatik ini?

Ya. Anda boleh menamatkan Lanjutan Automatik dengan memaklumkan kepada kami sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum setiap Tarikh Matang Sijil ini dan anda akan menerima manfaat Matang.

Adakah caruman saya akan berubah daripada Ciri Lanjutan Automatik ini?

Caruman yang perlu dibayar untuk Perlindungan Lanjutan Automatik mungkin berbeza, dan adalah berdasarkan umur yang dicapai oleh Orang yang Dilindungi pada hari lahir berikutnya semasa Lanjutan Automatik Sijil ini dan sebarang keputusan pengunderaitan yang telah dikenakan ke atas Sijil ini sebelum Lanjutan Automatik.

Apakah yang berlaku kepada Manfaat Matang saya apabila mencapai Kematangan Sijil yang dipilih?

Anda tidak akan menerima manfaat matang pada tempoh matang yang dipilih pada permulaan Sijil, tetapi anda akan menerimanya pada akhir tempoh matang yang dilanjutkan.

Soalan-Soalan Lazim (FAQ)

Adakah saya memerlukan bukti perlindungan untuk meneruskan perlindungan saya di bawah ciri ini?

Tiada bukti perlindungan diperlukan. Ini bermakna tiada permohonan semula dan pengunderaitan perubatan tambahan diperlukan.

Selepas Lanjutan Automatik, adakah sijil saya akan kekal sehingga tempoh matang baharu?

Bergantung kepada Nilai Akaun yang mencukupi untuk ditolak sebagai caj sijil dan Tabarru' bagi mana-mana rider yang dilampirkan. Sijil akan luput apabila Nilai Akaun telah digunakan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, kami akan mengira semula caruman anda semasa proses pelanjutan untuk memastikan kelangsungan sijil anda.

Bolehkah saya tahu berapa caruman saya yang dikira semula selepas lanjutan?

Caruman sebenar akan dikira sebelum lanjutan berdasarkan beberapa faktor, seperti umur anda dan nilai tunai semasa yang terdapat dalam Nilai Akaun anda. Walau bagaimanapun, anda boleh menyemak anggaran caruman yang terdapat di bawah Penyata Tahunan Takaful anda.

Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut berkaitan dengan ciri ini?

Untuk maklumat lanjut, anda boleh menghubungi ejen atau perantara anda, atau hubungi kami di:

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

(Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Aras 3, Menara Great Eastern,
303 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.

Tel : (603) 4259 8338

Faks : (603) 4259 8808

Careline : 1 300 13 8338

E-mel : i-greatcare@greateastertakaful.com

Laman Web : www.greateastertakaful.com

Portal Pelanggan: <https://igetintouch.greateastertakaful.com>

Hakcipta Great Eastern Takaful Berhad ("GETB"). Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diterjemahkan, disimpan dalam sistem pengambilan semula, atau dihantar, dalam apa jua bentuk atau dengan apa-apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada GETB.